



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	24/12/2019	MUKA SURAT	: 6
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Pulih dalam masa tiga hari lagi

LRA Sungai Semenyih dalam proses tingkatkan paras kolam imbanggan

NUR FARHANA ABDUL MANAN dan NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM

Gangguan bekalan air yang berlaku di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang serta sebahagian kawasan Putrajaya dijangka pulih sepenuhnya dalam masa tiga hari lagi.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Ha-

lem Mat Som berkata, ketika ini, pihak Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dalam proses meningkatkan paras kolam imbanggan dan penyaluran ke sistem agihan dan kolam perkhidmatan di kawasan terjejas.

Selepas itu, katanya, barulah bekalan akan disalurkan ke premis pengguna yang terjejas.

Oleh kerana gangguan bekalan air tidak berjadual ini berskala besar, maka tempoh pemulihan bekalan air kepada pelanggan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung kepada lokasi geografi dan altitud premis pelanggan.

"Pengguna yang berada di kawasan berdekatan dengan sistem agihan akan menerima bekalan



FOTO: HSIAN IMK

Pihak IMK membersihkan loji kumbahan di Bandar Bukit Mahkota. Bangi yang terjejas teruk akibat pencemaran sisa haram semalam. Gambar kecil: Sisa buangan yang dikesan.

air mulai tengah malam ini (malam tadi) secara berperingkat.

"Air Selangor menjangkakan bekalan air akan kembali pulih sepenuhnya



ABDUL HALEEM

di wilayah terlibat dalam tempoh anggaran 72 jam," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Abdul Haleem berkata, LRA Bukit Tampoi bagaimanapun masih belum beroperasi semula kerana paras pencemaran bau masih dikesan di muka sauk.

Sementara itu, pada sidang media di Putrajaya semalam, Suruhanjaya

Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengesahkan bekalan air kepada penduduk terlibat mula disalurkan secara berperingkat malam tadi.

Pengerusi SPAN, Charles Santiago berkata, ketika ini kerja-kerja pengepaman air telah dilakukan Air Selangor bermula jam 1 tengah hari semalam.

"Kita dapati masalah pencemaran itu berpunca daripada pembuangan sisa haram yang sangat banyak seperti minyak hitam, lemak makanan dan juga sisa industri," katanya.

Bellau berkata, pihaknya sudah membuat laporan polis bagi membolehkan kes pencemaran itu disiasat daripada pelbagai sudut termasuk kemungkinan ada unsur sabotaj.